

# PM Laos kunjungi Malaysia

esok

UM 28 OCT 2001

KUALA LUMPUR 27

Okt. — Perdana Menteri Laos, Bounnhang Vorachith dan isteri Khammeung Vorachith akan mengadakan lawatan rasmi tiga hari ke Malaysia bermula Isnin ini.

Beliau akan diiringi oleh Timbalannya yang juga Menteri Luar, Som-savad Lengsavad serta pegawai-pegawai kanan kerajaan Laos.

Turut serta dalam lawatan itu ialah delegasi 10 ahli perniagaan yang akan meninjau peluang-peluang perniagaan di Malaysia.

---

## mengadap

Bounnhang dan isteri dijangka menghadap Timbalan Yang di-Per-tuan Agong, Sultan Mizan Zainal Abidin dan Per-maisuri Nur Zahirah.

Beliau juga akan mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bagi bertukar-tukar pandangan ke arah meningkatkan hubungan dua hala antara kedua-dua negara.

Kenyataan Wisma Putra menyebut, kedua-dua pemimpin itu juga akan berbincang mengenai peningkatan hubungan dua hala dari segi pembangunan ekonomi dan politik serantau.